



30 April 2014
30 April 2014
P.U. (A) 120

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (KEHENDAK TEKNIKAL DAN PENGENDALIAN) (PINDAAN) 2014

RENEWABLE ENERGY (TECHNICAL AND OPERATIONAL REQUIREMENTS) (AMENDMENT) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU
(KEHENDAK TEKNIKAL DAN PENGENDALIAN) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 dan perenggan 61(c) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia, dengan persetujuan Suruhanjaya Tenaga, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) (Pindaan) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2014.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011 [*P.U. (A) 387/2011*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2—

(a) dalam takrif “amalan utiliti berhemat”—

(i) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(ii) dalam perenggan (f) —

(A) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(B) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(g) piawaian Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik.”;

(b) dalam takrif “sambungan tidak langsung bervoltan rendah”, dengan memotong perkataan “voltan rendah” selepas perkataan “suatu talian bekalan”;

(c) dengan memotong takrif “voltan tinggi”;

(d) dengan menggantikan takrif “voltan rendah” dengan takrif yang berikut:

‘ “voltan rendah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 [*P.U. (A) 38/1994*];’;

(e) dengan menggantikan takrif “voltan sederhana” dengan takrif yang berikut:

‘ “voltan sederhana” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994;’; dan

(f) dengan memasukkan selepas takrif “voltan sederhana” takrif yang berikut:

‘ “voltan tinggi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.’.

Pindaan kaedah 3

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Seseorang” dengan perkataan “Tertakluk kepada subkaedah (8), seseorang”;

(ii) dalam perenggan (a)—

(A) dengan menggantikan perkataan “72kWp” dengan perkataan “12kWp”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “180kWp” dengan perkataan “425kWp”; dan

(iii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan menggantikan perkataan “72kW” dengan perkataan “12kW”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “180kW” dengan perkataan “425kW”;

(b) dalam subkaedah (3)—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “empat belas hari” dengan perkataan “tiga puluh hari”; dan

(ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “twenty-one days” dengan perkataan “thirty days”;

(c) dengan menggantikan subkaedah (5) dengan subkaedah yang berikut:

“(5) Penjana yang layak hendaklah membayar—

(a) satu ribu ringgit kepada pemegang lesen pengagihan sebagai kos bagi menjalankan pemeriksaan pengesahan sambungan yang melebihi 12kW atau 12kWp sehingga dan termasuk 180kW atau 180kWp; atau

(b) lima ribu ringgit kepada pemegang lesen pengagihan sebagai kos bagi menjalankan pemeriksaan pengesahan sambungan yang melebihi 180kW atau 180kWp sehingga dan termasuk 425kW atau 425kWp.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subkaedah (7) subkaedah yang berikut:

“(8) Peruntukan subkaedah (1) tidak terpakai bagi seseorang penjana yang layak yang bercadang untuk membina—

(a) suatu pemasangan FV yang akan akhirnya disambungkan kepada satu pencawang elektrik yang kepadanya bersambung pemasangan FV sedia ada dan jumlah kWp berkadar pemasangan FV tersebut termasuk pemasangan FV yang dicadangkan melebihi 425kWp; atau

(b) satu pemasangan FV atau lebih yang dicadangkan dalam suatu kawasan pembangunan perumahan yang akan akhirnya disambungkan kepada satu pencawang elektrik dan jumlah kWp berkadar pemasangan FV itu melebihi 425kWp.

(9) Bagi maksud subkaedah (8), “kawasan pembangunan perumahan” ertinya suatu kawasan rumah unit tunggal atau unit berbilang, rumah kedai, rumah pangsa, kondominium dan pangsapuri yang dibina atau yang akan dibina oleh satu pemaju perumahan.”.